



MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PEKEBUN KECIL, DIVIDEN TSK DAN BANTUAN MANGSA BANJIR PARLIMEN PEKAN 2008

TALKING POINTS

**YB SENATOR TAN SRI MUHAMMAD BIN MUHAMMAD TAIB
PENGERUSI RISDA**

DEWAN TAN SRI YAHYA, INSTITUT KEMAHIRAN MARA,
PERAMU, PEKAN, PAHANG
23 FEBRUARI 2008

Yang Berusaha Saudara Pengerusi Majlis

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Hj. Mohd. Najib bin Tun Hj. Abdul Razak, Timbalan Perdana Menteri Malaysia

Yang Amat Berhormat Dato' Seri Adnan Yaakob,
Menteri Besar Negeri Pahang

Yang Berbahgia Dato' Mohammad Izat Hasan
Ketua Pengarah RISDA

Yang Berbahagia Ketua Pengarah JHEOA

YB Setiausaha Kerajaan Negeri Pahang

Dato' Ali Nordin bin Wahiduddin
Timbalan Ketua Pengarah (Pembangunan) RISDA

Ketua-Ketua Jabatan Dan Agensi

Penerima-penerima Anugerah Pekebun Kecil Cemerlang Tahun 2007

Peserta-Peserta Rancangan Tanam Semula Komersial (TSK)

Penerima-penerima Bantuan Mangsa Banjir

dan seterusnya tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian.

3

1.RISDA KE FUNGSI ASAL 'BACK TO BASIC'

RISDA perlu kembali ke fungsi asal penubuhan RISDA pada tahun 1973 iaitu dengan memberi penekanan kepada **Basic target Group** iaitu pekebun kecil, **Basic Crop** iaitu tanaman getah, **Basic Function** iaitu Tanam semula, pengembangan, pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran dan **Basic Delivery System** iaitu bekalan dan perkhidmatan yang di beri memuaskan hati pelanggan. Dengan cara ini akan dapat membantu pekebun kecil meningkatkan pendapatan dan seterusnya mereka akan hidup dalam suasana yang lebih selesa dan sejahtera.

4

2. LATIHAN UNTUK PEKEBUN KECIL

RISDA telah diminta untuk memperkasakan pekebun kecil dengan ilmu pengetahuan selaras dengan pembangunan modal insan yang di beri penekanan oleh Kerajaan untuk masyarakat luar Bandar. Untuk itu RISDA telah wujud kembali Bahagian Latihan dan juga menubuhkan 3 buah Institut Kemajuan Pekebun Kecil khusus untuk memberi latihan teknikal dan pengurusan ladang. Adalah diharapkan semua pekebun kecil khususnya pemilik pengusaha akan sentiasa mendapat maklumat mengenai tanaman getah dan sawit dengan lebih baik.

3. PENEKANAN KEPADA KONSEP PENDAMPING

Konsep Pendamping bermaksud bahawa RISDA komited untuk membantu dan membangunkan masyarakat pekebun kecil dengan lebih baik. Pekebun kecil di bombing, di latih, di didik dan juga di beri tunjukajar sehingga mereka boleh menerima sebarang teknologi, pendekatan ataupun perubahan sikap kearah yang lebih positif. Setiap Pegawai Luar RISDA telah diarah untuk menjalankan tugas sebagai Pendamping terutama bagi Pekebun Kecil miskin tegar sehingga dapat keluar dari kelompok miskin tegar.

4. PEMBASMIAN KEMISKINAN

Mulai tahun 2006, KKLW begitu serius untuk membasmi kemiskinan di Luar Bandar. Selaras dengan ini, RISDA sebagai agensi di bawah KKLW, telah melaksanakan beberapa program yang bersesuaian seperti Program Tanam Semula, Program Peningkatan Produktiviti (PPG) dan Aktiviti Ekonomi Tambahan(AET). Sehingga akhir tahun 2007, daripada seramai 2392 orang Miskin Tegar dikalangan Pekebun kecil, seramai 2364 atau 98.8 % orang telah berjaya dikeluarkan dari kelompok miskin tegar. Tinggal hanya 28 orang sahaja lagi.

7

Manakala bagi pekebun kecil miskin pula telah dapat dikurangkan seramai 3,362 orang daripada 7,817 orang. Ini bermakna baki pekebun kecil yang tergolong dalam kelompok miskin ialah seramai 2,200 orang sahaja.

5. PROJEK AGROPOLITAN

RISDA merupakan salah satu agensi KKLW yang terlibat secara langsung untuk membangun dan memajukan projek Agropolitan. Pada masa ini, sejumlah 5 buah projek telah di kenalpasti untuk dimajukan oleh RISDA iaitu di Gahai, Kuala

8

Lipis,Pahang (800 peserta dengan keluasan 223.00 hektar), Ganda,Gerik,Perak (400 orang peserta dengan 1,231.00 hektar). Sementara 3 lagi di Setiu, Terengganu, Pekan dan Pelangai,Pahang sedang dalam peringkat perancangan.

6. PENINGKATAN PRODUKTIVITI

Usaha-usaha untuk meningkatkan pengurusan dan peningkatan produktiviti kebun telah dilaksanakan secara terancang dan teratur supaya kebun getah dapat mengeluarkan hasil dalam tempoh 4 1/2 tahun dan mengeluarkan hasil tidak

9

kurang daripada 2,000 kg/hek/tahun manakala bagi sawit, hasil dapat diperolehi dalam tempoh 2 1/2 tahun dan mengeluarkan hasil tidak kurang 20 mt/hek/tahun.

7. PENUBUHAN KELAB 2000 DAN KELAB 30

Bermula tahun 2007, RISDA telah menubuhkan Kelab 2000 untuk getah dan Kelab 30 untuk sawit bertujuan untuk menggalakkan pekebun kecil berusaha dengan gigih untuk memastikan mereka mengamalkan amalan pertanian yang baik (Good Agricultural Practices). Kebun mereka dalam keadaan

yang bersih dan pokok sentiasa di baja. Kebun-kebun yang di toreh pula mengamalkan penggunaan alatan rangsangan yang telah disyorkan. Mereka yang berjaya mencapai penghasilan yang tinggi dan telah diterima menjadi ahli kelab akan menerima beberapa kemudahan yang disediakan oleh RISDA. Antaranya adalah seperti berikut:

- i. Diberi keutamaan untuk menerima klon-klon getah dan benih-benih tanaman yang baik.
- ii. Diberi keutamaan untuk menyertai seminar, bengkel atau sebagainya yang dianjurkan oleh RISDA.

11

- iii. Berpeluang untuk menyertai program lawatan sambil belajar ke tempat-tempat yang berfaedah.
- iv. Menjadi tenaga pengajar kepada peserta kursus teknologi anjuran RISDA yang dijalankan di Institut Kemajuan Pekebun Kecil (IKPK).

Setakat ini, seramai 1,716 orang pekebun kecil telah menjadi ahli kelab dengan penghasilan kebun melebihi 2,000 kg/hek/tahun untuk getah. Manakalan untuk sawit, seramai 81 orang telah menjadi ahli kelab 30 mt/hek/tahun. Pada tahun 2008, RISDA mensasarkan seramai 2,500 orang pekebun kecil akan menjadi kelab tersebut.

12

8. PELAKSANAAN IMPIAN 500

Mulai tahun 2008, RISDA telah mewajibkan kepada semua pekebun kecil yang akan menanam semula kebun mereka dengan tanaman getah dikehendaki menanam pokok getah dengan bilangan melebihi 550 pokok setiap hektar. Tindakan seumpama ini penting bagi memastikan supaya kebun-kebun tersebut mengadungi bilangan pokok tidak kurang daripada 500 pokok ketika mula membuka tapak torehan atau bila dibayar bantuan terakhir.

13

Jika berlaku kekurangan dalam tempoh tersebut, RISDA akan membantu pekebun kecil supaya menyulam pokok yang mati dengan pokok yang lain. Bilangan pokok getah dalam sesebuah kebun penting kerana ia menjadi salah satu faktor penentu kepada jumlah produktiviti atau pengeluaran yang dihasilkan oleh sesebuah kebun berkenaan.

9. PROGRAM TUISYEN DESA

Di bawah Rancangan Malaysia Ke Sembilan (RMK 9), khususnya mulai tahun 2007 hingga tahun 2010, Kerajaan telah menyediakan peruntukan sebanyak RM2 juta kepada RISDA

14

untuk melaksanakan program tuisyen desa. Sebanyak 50 pusat tuisyen desa telah diwujudkan di seluruh negara. Tumpuan diberi kepada anak-anak pekebun kecil yang akan mengambil peperiksaan SPM dan tergolong dalam kelompok miskin tegar dan miskin yang tinggal di luar bandar.

10. INSENTIF UNTUK PROJEK BERKUMPULAN

Beberapa insentif disediakan kepada pekebun kecil yang ingin menyertai program tanam semula secara berkumpulan. Antara insentif-insentif yang akan diberikan kepada peserta projek berkelompok ialah:

15

- i. Kemudahan asas seperti jalan pertanian, jambatan, parit dan pembentung akan disediakan secara subsidi kepada peserta projek.
- ii. Bantuan tanah kosong sehingga 30% kepada lot-lot yang tidak mengandungi getah tua dan kedudukannya dalam kawasan projek berkelompok yang telah dikenalpasti.
- iii. Latihan Pengurusan Ladang dan pembangunan minda insan kepada Jawatankuasa Projek dan beberapa orang peserta yang terpilih.

16

- iv. Urusan jualan produk akan diselaraskan secara sistem tender yang diuruskan melalui depo belian atau Pusat Timbang dan Setor.
- v. Bantuan tabung pelancaran akan diberikan kepada Jawatankuasa Projek. Nilai pemberian bergantung kepada luas kawasan projek yang dapat dibangunkan.
- vi. Bantuan bayaran premium tanah bagi tujuan mendapatkan hakmilik tanah untuk membolehkan pekebun kecil menyertai program tanam semula.
- vii. Bantuan input pertanian yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran dan pendapatan pekebun

17

kecil di bawah program peningkatan produktiviti getah

11. PEMBEKALAN BENIH SECARA LEBIH BERKESAN

RISDA telah merancang dan melaksanakan penyediaan benih melalui tapak semaian *transit* dan *in-situ* yang kedudukannya jauh daripada tapak semaian pusat. Tumpuan diberikan kepada kawasan yang banyak bertanam dengan getah. Dengan cara ini akan dapat mengurangkan kos penyediaan benih dan secara langsung akan dapat mengurangkan harga benih kepada pekebun kecil. Tapak semaian seumpama itu juga akan memberi kemudahan

18

kepada pekebun kecil untuk mendapatkan benih sulaman atau gantian dan keperluan lain yang kuantitinya tidak banyak.

12.PEMBEKALAN BAJA BERKUALITI

RISDA telah mengenalpasti dan akan melaksanakan beberapa pendekatan untuk memastikan pengesyoran pembajaan kepada pekebun kecil lebih teratur dan berkesan dari segi:

- a. Mengubahsuai dan mewujudkan formulasi baja baru untuk tanaman getah dan sawit mengikut kesesuaian

19

tanah bagi pembekalan kepada pekebun kecil. Terdapat 10 jenis formulasi baja baru yang telah diluluskan oleh Ahli Jawatankuasa Teknikal Baja RISDA untuk kegunaan pekebun kecil mulai tahun 2008.

- b. Mewujudkan kawalan kualiti baja yang lebih ketat dengan mengambil persampelan 5 kampil baja bagi setiap 1,000 kampil baja yang dihantar ke Pusat Tanggungjawab untuk di analisa oleh ERAS.

20

13. DASAR-DASAR BARU UNTUK PEKEBUN KECIL

Pada akhir tahun 2005, '***Jawatankuasa Kabinet Mengenai Cara-Cara Meningkatkan Pendapatan Pekebun Kecil Komoditi (JKMPPK)***', beberapa keputusan telah dibuat dan pekebun-pekebun kecil akan menerima faedah sepertimana berikut:

- vii. Geran sebanyak RM9,803,392.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun 2.50 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan Tanam Semula getah ke Tanaman Lain (TSGL) di antara tahun 2002 hingga 2003 seluas 2,204.00 hektar dengan kadar RM4,448.00 sehektar;

21

- viii. Pemulangan wang ses berjumlah RM49,592,500.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan TSGL diantara tahun 2001 hingga 2003 seluas 19,837.00 hektar dengan kadar RM2,500.00 sehektar; dan
- ix. Pemulangan wang ses berjumlah RM31,897,500.00 bagi pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar dan ke bawah yang terlibat dengan TSGL di antara tahun 2004 hingga 2005 seluas 12,759.00 hektar dengan kadar RM2,500.00 hektar; dan

22

- x. Bayaran pemulangan wang ses kepada pekebun kecil yang memiliki kebun seluas 5.00 hektar hingga 40.80 hektar yang terlibat dengan TSGL sejak tahun 2001 tertakluk kepada keluasan maksimum 5,000 hektar setahun melibatkan pembayaran pemulangan wang ses maksimum RM12.50 juta setahun.

Perkara-perkara berikut telah diluluskan:

- i. Menaikkan kadar bantuan tanam semula getah ke lain tanaman (**TSGL**) daripada RM4,448.00 sehektar kepada RM6,000.00 sehektar.

23

- ii. Memperluaskan skop program tanam semula dengan membenarkan pembangunan tanam kosong sehingga ke paras 30% yang akan dibangunkan dalam projek berkumpulan. Bantuan yang disediakan ialah sebanyak RM4,500.00 sehektar untuk tanaman getah dan RM3,500.00 sehektar untuk tanaman lain daripada getah. Sementara baki peruntukan sebanyak RM2,500.00 sehektar untuk setiap jenis tanaman adalah dibiayai melalui pinjaman yang tidak dikenakan faedah.

24